

DEBU HARTA KARUN: PERANAN TAJAU DALAM RUMAH PANJANG MASYARAKAT IBAN, SARAWAK MASA KINI

(TREASURE DUST: TAJAU ROLE IN IBAN MASYARAKAT LONGHOUSE, SARAWAK NOW)

Siti Aisyah Muhammad
aisyah@umk.edu.my

Fakulti Senibina dan Ekistik, Universiti Malaysia Kelantan

Nordiana Ab Jabar

Fakulti Teknologi Kreaif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan

Florance Ling

Universiti Malaysia Kelantan

Abstrak

Masyarakat Iban di Sarawak memiliki warisan peninggalan yang bernilai iaitu sejenis tempayan seramik yang digelar tajau. Dari aspek sosio budaya, tajau melambangkan hierarki status, kekayaan dan turut digunakan dalam adat tradisi masyarakat Iban. Namun, peredaran zaman dan pendedahan tentang kepercayaan dan agama sedikit sebanyak telah mempengaruhi adat penggunaan tajau dalam sosio budaya mereka. Objektif kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti jenis-jenis tajau dan peranan tajau yang masih diamalkan di rumah panjang masyarakat Iban. Kaedah kajian yang dijalankan adalah melalui kajian lapangan di Rumah Panjang RH Malang, Pakan, Sibu Sarawak yang turut merangkumi kaedah kualitatif seperti temubual dan kajian literatur. Hasil kajian mendapati, walaupun adat menyimpan tajau masih wajib diamalkan, namun peranan dan fungsi tajau telah diolah mengikut keperluan serta tidak lagi menjadi lambang kekayaan sesebuah keluarga Iban sepenuhnya. Konflik antara budaya mewarisi tajau dan pengetahuan tentang kewajipan menyimpan tajau jelas berlaku di antara golongan lebih berusia dan generasi muda di rumah panjang masyarakat Iban. Kajian ini dapat memberikan gambaran tentang peranan tajau dalam adat dan tradisi masyarakat rumah panjang masa kini.

Keywords: jar, Iban, warisan

Abstract

Iban society in Sarawak own heritage that is valuable that is a kind of ceramic jar called tajau. From socio aspect culture, tajau represents standard hierarchy, wealth and also used in Iban societal tradition custom. However, turn of wheel and exposure about faith and little religion as much as has influenced tajau usage custom in socio their culture. This objective of the study carried out to identify tajau types and tajau role that still being practised in Iban society longhouse. Study method carried out is through field research in Rumah Panjang RH Malang, Pakan, Sibu Sarawak that also encompasses qualitative method like interview and literature study. Study results found, although custom keep tajau still compulsory to be practised, however roles and functions tajau was modified according to need and no longer becoming wealth symbol a Iban family fully. Conflict intercultural inherit tajau and knowledge on duty keep tajau clearly occur between more elderly group and young generation in Iban society longhouse. This study could give description on tajau role in custom and current longhouse societal tradition.

Keywords: jar, Iban, heritage

2017 GBSE Journal

PENGENALAN

Tajau atau tempayan bagi masyarakat Iban di Sarawak mempunyai fungsi yang berbeza dan unik jika dibandingkan dengan kegunaan tempayan di negeri lain. Proses pembuatan *tajau* bermula daripada tanah liat kemudian dikeraskan dengan menggunakan api serta digilap. *Tajau* juga dipercayai datang ke Kepulauan Borneo melalui hubungan perdagangan dengan Myanmar, Thailand dan China. Kewujudan *tajau* membawa makna yang sangat penting dalam aspek budaya terutamanya daripada segi sosioekonomi masyarakat Iban. Permintaan tinggi penduduk tepatan terhadap *tajau* berlaku ekoran daripada kegunaannya yang sangat penting seperti dapat meningkatkan status sosial, dianggap suci malah ia juga digunakan sebagai alat pengebumian. Justeru itu masyarakat pribumi di Sarawak tertarik dengan 'keindahan' *tajau* sehingga mendapat permintaan yang tinggi oleh masyarakat Iban. Masyarakat Iban percaya dengan adanya *tajau* dapat memudahkan aktiviti harian mereka. Kegunaan *tajau* yang digunakan secara meluas menyebabkan *tajau* diangkat menjadi suatu objek yang sangat bernilai, suci, dihormati dan diwarisi secara turun-temurun. Kewujudan *tajau* bagi masyarakat Iban di Sarawak membawa satu kesepaduan hidup mereka antara hubungan manusia dengan alam ghaib. *Tajau* memiliki kuasa mistik yang boleh mengubati dan menjaga keselamatan hidup mereka. Perubahan peranan *tajau* memberi kesan sangat besar dalam kehidupan sejagat mereka. Perubahan dunia *tajau* bukan berubah dari segi fizikalnya tetapi melalui aspek pertembungan budaya global, perubahan penggunaannya, perubahan agama dan kepercayaan.

ASAL USUL TAJAU

Tajau atau tempayan bagi masyarakat Iban di Sarawak sangat berbeza kegunaannya jika dibandingkan dengan kegunaan tempayan di negeri lain. *Tajau* diperbuat daripada tanah liat kemudian dikeraskan dengan menggunakan api serta digilap (Noria, 2004). *Tajau* adalah berasal daripada pedagang-pedagang cina yang menjalankan perniagaan ke kepulauan Borneo.

Hal ini disokong dengan kenyataan dari Othman Yatim (1981) yang menyatakan sistem *Barter trade* pada masa itu telah membolehkan bahan-bahan tersebut bertukar tangan. Permintaan yang banyak membuatkan pedagang-pedagang tersebut datang lagi di musim perniagaan yang lain dan membawa banyak lagi tempayan (*tajau*) dalam berbagai bentuk dengan bermacam-macam warna dan ragam hias (*design*) yang dapat menarik perhatian masyarakat. Pedagang yang belayar menggunakan kapal berisi dengan pelbagai jenis makanan seperti madu, gula, daging babi, halia, dan arak. Sementara itu, *tajau* pula akan diisi dengan barangan seramik dengan tujuan menseimbangkan berat kapal semasa belayar.

Tajau memainkan peranan penting dalam sosio-budaya masyarakat Iban di Sarawak. Masyarakat Iban beranggapan bahawa tanpa ada tajau dalam sesebuah majlis atau upacara ritual ia dilihat sebagai satu kecacatan yang berlaku dan dipercayai boleh membawa keburukan kepada masyarakat tersebut. Hal ini disebabkan oleh peranan tajau dalam budaya kaum Iban sangat penting dan dijadikan sebagai simbolik atau acara pembukaan kepada upacara atau majlis yang dilangsungkan. Tajau sangat mudah diperolehi di mana-mana rumah panjang. Hampir kesemua rumah panjang lama memiliki dan menyimpan tajau sebagai harta pusaka yang sangat bernilai. Tidak dapat dinafikan bahawa sehingga ke hari ini, tajau masih menjadi objek yang mempunyai keunikan rupa bentuk dan nilai-nilai sakral yang tersendiri. Walau bagaimanapun, pengkaji telah mengenalpasti isu dan permasalahan yang timbul dalam kalangan anak-anak bangsa Iban pada masa sekarang.

Para pedagang China pada awalnya menggunakan *tajau* sebagai tempat penyimpanan makanan semasa belayar. Antara makanan yang disimpan di dalam *tajau* ialah telur masin, lobak masin, garam, gula dan sebagainya. Apabila barangan dagangan mereka habis dijual, maka *tajau* juga akan turut dijual. Permintaan *tajau* oleh masyarakat tempatan di Sarawak daripada pedagang luar menjadi fokus utama dalam kepentingan *tajau* bagi masyarakat setempat di Sarawak (Khairul, 2016). Hal ini demikian kerana, masyarakat tempatan di Sarawak menggunakan *tajau* dalam kesemua aspek kehidupan mereka seperti kegunaan harian, hukum adat, upacara ritual dan hukum adat.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kualitatif digunapakai dalam kajian menerusi kajian literatur, kajian lapangan dan juga temu bual. Kajian lapangan dijalankan di rumah panjang di RH Malang, Pakan, Sibuh Sarawak bagi mendapatkan gambaran sebenar jenis-jenis *tajau* yang masih disimpan oleh masyarakat Iban ini. Temubual bersama penduduk rumah panjang dan Kurator Gallery Tun Jugah, Puan Janet turut dilaksanakan bagi mendapatkan informasi berkenaan adat dan tradisi menyimpan *tajau* serta kegunaan khusus jenis-jenis *tajau*. Selain itu, kajian literatur di Muzium Sarawak dan Muzium Etnologi, Gallery Tun Jugah serta perpustakaan memberikan data sekunder yang sangat bermanfaat dalam mendokumentasikan peranan *tajau* dalam kehidupan masyarakat Iban ini. Hasil daripada penelitian kaedah kajian ini, objektif kajian dapat dicapai dengan lebih tersusun

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Adat, budaya, kepercayaan asal, harta pusaka dan suasana kehidupan mereka di rumah panjang merupakan pegangan yang menjadi tradisi bagi masyarakat Iban. Tradisi yang diamalkan oleh mereka ialah salah satu cara untuk mewujudkan suasana yang aman, tenteram dan damai dalam menjalani kehidupan. Tradisi yang mereka amalkan sama seperti sebuah

buku yang dijadikan rujukan untuk menjaga keamanan dan ketenteraman penghuni di rumah panjang. Tradisi menyimpan tajau dapat membantu mereka menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku dan mengembalikan keadaan menjadi hormani semula.

Membawa balik tajau sama ada dibeli atau pun diperolehi secara tukar barang bukanlah sesuatu perkara yang boleh dibuat sesuka hati. Ia mestilah dilakukan melalui adat dan prosedur yang betul. Selepas mendapat tajau, ia perlu dibawa balik ke rumah pemilik oleh mana-mana *Bujang Berani*. *Bujang Berani* dijemput untuk menaikkan tajau tersebut ke rumah pemilik untuk memberi galakan dan dorongan kepada seseorang bagi menaiktaraf status sosial kepada ‘Raja Berani’.

Jenis-Jenis Tajau



Tajau Panding



Tajau Menukul



Tajau Menaga

Rajah 1 : Koleksi *Tajau* Simpanan Informan Dundang Anak Jalin, 73.

Ketiga-tiga koleksi gambar *tajau* di atas diambil dari rumah informan Dundang Anak Jalin di Pakan, Sarawak semasa pengkaji turun ke lapangan. *Tajau Panding* digunakan sebagai dalam hukum adat Iban untuk membayar denda. Nilai *tajau panding* lebih besar daripada *tajau Jabir*. *Tajau Panding* digunakan sebagai pampasan ganti rugi apabila berlaku kes kecurian. *Tajau Menukul* pula digunakan untuk membayar hukuman dalam adat Iban. Selain itu berperanan sebagai kurung Semangat membayar saguhati atau pengeras kepada tukang sabak. *Tajau Menaga* pula digunakan dalam hukum adat Iban sebagai pengeras kepada bomoh untuk melindungi diri daripada malapetaka selepas upacara menyembuhkan penyakit. Selain itu turut dijadikan sebagai alat untuk menyimpan beras.

Tajau Sebagai Bekas Menyimpan Beras

Masyarakat Iban pada zaman dahulu merupakan peneroka terulung dalam pembukaan hutan untuk tujuan penanaman padi bukit atau padi huma. Ia dikenali sebagai berimba atau berumpang kampung oleh masyarakat Iban. Mereka berumpang kampung dikawasan yang sangat luas untuk mendapatkan hasil tuaian yang banyak. Padi ditanam secara besar-besaran dan dilakukan secara bergotong royong. Biasanya, mereka menanam padi pada bulan September dan akan dituai semasa atau selepas bulan Mei. Mereka percaya bahawa individu yang mendapat hasil tuaian paling banyak maka individu tersebut dianggap sebagai individu

yang paling kaya, rajin dan dipandang tinggi oleh masyarakat. Selain menyimpan *tajau* yang banyak, padi juga menjadi ukuran kepada status sosial dan ekonomi bagi masyarakat Iban.

Namun pada hari ini, perubahan gaya hidup yang berbeza menjadikan fungsi *tajau* berubah.¹ Masyarakat Iban kini menjadikan *tajau* sebagai alat untuk menyimpan beras. Beras merupakan makanan asas bagi masyarakat Iban. Orang Iban pada zaman dahulu tidak memiliki mesin untuk memproses padi untuk menjadi beras. Walau bagaimanapun, mereka sangat peka terhadap alam sekeliling. Mereka telah menjadikan alam sebagai tempat untuk belajar dalam menjalani kehidupan. Selepas padi melalui proses menjadi beras, ia disimpan didalam *tajau* yang boleh bertahan sehingga dua bulan. *Tajau* perlu ditutup menggunakan tabak atau objek yang boleh digunakan untuk menutup *tajau* seperti tudung periuk, pinggan dan sebagainya. Beras yang disimpan didalam *tajau* bertujuan untuk mengelakkan daripada dimakan oleh bubuk atau serangga perosak yang lain.

Tajau Sebagai Bekas Menyimpan Air Minuman dan Air Tuak (Tapai)

Orang Iban di Sarawak membina rumah mereka berhampiran dengan sungai bagi memudahkan aktiviti harian. Kaum wanita di rumah panjang biasanya akan turun ke sungai untuk mengangkut air dan di simpan di dalam *tajau* dan digunakan untuk aktiviti harian seperti mencuci pinggan, memasak, sebagai air minuman dan sebagainya. Oleh sebab itu, mereka sangat memerlukan jumlah *tajau* yang banyak untuk keperluan harian mereka. Apabila tiba musim kemarau, mereka perlu menyimpan air untuk keperluan keluarga dan juga untuk keperluan haiwan ternakan seperti babi dan ayam. Musim tengkujuh tiba pula *tajau* juga akan turut digunakan untuk menyimpan air.² Selain itu, di kaki tangga rumah panjang juga disediakan *tajau* yang digunakan untuk menyimpan air. Air yang disimpan di dalam *tajau* digunakan untuk membasuh kaki individu yang ingin naik ke rumah. Meletakkan air di kaki tangga rumah merupakan satu tradisi yang dilakukan oleh masyarakat Iban.

Air tuak merupakan minuman tradisional masyarakat Iban. Selain diminum, air tuak juga berperanan penting dalam upacara seperti miring atau bedara (persembahan korban). Tetamu yang datang ke rumah panjang biasanya dihidangkan dengan minuman tuak. Kebanyakan wanita di rumah panjang mahir dalam pembuatan air tuak. Air tuak diperbuat daripada beras pulut yang telah dimasak di dalam periuk atau buluh. Beras pulut yang sudah dimasak akan diletakkan diatas daun pisang kemudian barulah dicampur dengan ragi. Setelah dicampur ragi, nasi pulut hendaklah dimasukkan ke dalam *tajau* untuk diperam. Tempoh masa peraman adalah antara seminggu atau lebih. Air tuak dalam sesuatu majlis atau upacara sangat penting kerana tana air tuak ia akan menyebabkan upacara atau majlis tersebut tidak lengkap.

Tajau Sebagai Bekas Menyimpan Harta Pusaka, Duit dan Pakaian

Tajau yang dimiliki oleh orang Iban di rumah panjang mempunyai saiz yang berlainan iaitu daripada saiz yang besar hingga ke saiz yang kecil. Pada zaman dahulu, orang Iban tidak mempunyai almari untuk menyimpan barang-barang mereka yang berharga. Mereka menggunakan *tajau* untuk menyimpan barang kemas dan harta pusaka yang lain. Antara barang berharga yang berada dalam simpanan mereka ialah rantai emas, tali pinggang perak,

¹ Maklumat daripada Informan Sangat Anak Mamit, 51, Rumah Panjang Malang, Pakan Sarawak

² Maklumat daripada Informan Dundang Anak Jalin, 73, Rumah Panjang Malang, Pakan Sarawak

gelang perak, ngepan iaitu pakaian tradisional bagi kaum perempuan dan pelbagai lagi barangan lain.

Selain digunakan untuk menyimpan harta pusaka, *tajau* juga digunakan untuk menyimpan duit. Masyarakat Iban menjalankan ekonomi sara diri seperti menanam lada, menanam padi, getah, memungut hasil hutan, dan memburu binatang. Hasil jualan yang diperoleh daripada aktiviti pertanian akan disimpan di dalam *tajau*. Duit yang di simpan didalam *tajau* lebih selamat daripada duit yang disimpan dibawah bantal. *Tajau* yang digunakan untuk menyimpan duit ditutup dengan tabak dan diletakkan di rumah tamu. Masyarakat Iban juga turut menyimpan pakaian di dalam *tajau*. Antara pakaian yang dimaksudkan ialah kain tenunan seperti pua kumbu, baju burung, baju kirai dan pelbagai lagi pakaian lain. Wanita Iban di rumah panjang memiliki kepakaran dalam menenun kain untuk dijadikan pakaian. Hasil tenunan mereka disimpan di dalam *tajau* untuk mengelakkan pakaian dimakan oleh serangga perosak. Pakaian yang disimpan di dalam *tajau* akan ditutup dengan tabak. Anai-anai dan serangga perosak tidak boleh menebusi *tajau*. Oleh hal yang sedemikian, orang Iban sangat gemar menyimpan pakaian mereka di dalam *tajau*.

Tajau Sebagai Bekas Menyimpan Pekasam dan Tempoyak

Tajau juga berfungsi untuk menyimpan pekasam atau tempoyak. Pada waktu lapang, atau sementara menunggu musim menuai padi tiba, kaum lelaki biasanya akan pergi memburu binatang di hutan. Kebiasaannya, hasil pemburuan mereka ialah terdiri daripada babi hutan, rusa, kijang dan lain-lain lagi. Selain memburu, mereka juga gemar menangkap ikan. Hasil tangkapan dan buruan akan dibuat menjadi pekasam. Daging haiwan akan diperap dengan garam dan disimpan di dalam *tajau*. Lazimnya, saiz *tajau* yang digunakan untuk menyimpan pekasam adalah lebih kecil. Pekasam-pekasam boleh disimpan sehingga bertahun lamanya dan akan dijadikan bekalan makanan semasa musim tengkujuh. Selain itu, *tajau* juga digunakan untuk menyimpan tempoyak.

Penduduk rumah panjang sangat suka menanam buah-buahan seperti rambutan, durian, manggis, langsung dan pelbagai lagi buah-buahan yang lain. Apabila tiba musim buah-buahan, penduduk rumah panjang akan bergotong royong untuk mengutip buah. Durian yang tidak dimakan akan dibuat tempoyak oleh kaum wanita di rumah panjang. Durian yang sudah diasingkan isinya akan dijadikan tempoyak. Kemudian, tempoyak akan dimasukkan ke dalam *tajau* yang bersaiz kecil dan ditutup menggunakan kain dan plastik supaya tidak dimasuki serangga seperti semut. Jika tempoyak dimasuki oleh serangga tempoyak tersebut akan cepat rosak dan tidak boleh dimakan.

Tajau Dalam Sistem Pertanian

Padi, lada hitam, sawit dan getah merupakan hasil ekonomi sara diri penduduk di Sarawak. Tanaman tersebut akan dijual dan hasilnya akan digunakan untuk membeli peralatan pertanian seperti baja, racun, mesin dan pelbagai keperluan pertanian. Baki daripada hasil jualan akan disimpan untuk membeli keperluan dapur dan peralatan rumah. Bagi masyarakat Iban, pertanian merupakan pekerjaan tetap mereka. Tanah- tanah kosong akan diusahakan sebaik yang mungkin untuk mendapatkan pulangan yang baik.

Walaupun telah menggunakan teknologi moden dalam pertanian, namun masyarakat Iban masih mengekalkan adat sebelum memulakan aktiviti pertanian. Aktiviti pertanian yang paling ketara dilakukan ialah aktiviti menanam padi dan lada hitam. Petani hendaklah memohon restu daripada Sempulang Gana yang merupakan Tuhan bagi masyarakat Iban. Mereka percaya dengan meminta keizinan dan restu, maka Tuhan akan mendengar permintaan mereka dan memurahkan rezeki. Oleh hal, yang sedemikian, segala aktiviti pertanian yang dijalankan haruslah berlandaskan hukum adat.

Sebelum memulakan pertanian, masyarakat Iban akan melakukan ritual *miring* dimana ritual ini dilakukan dengan tujuan memohon keizinan daripada Sempulang Gana. Nasi pulut, secubit garam, sebutir telur, ketupat, kapur dan daun sirih menjadi simbolik kepada makanan pemujaan yang dipersembahkan kepada Sempulang Gana (rujuk jadual 4.3). Ritual ini tidak boleh dilakukan secara sebarangan kerana bilangan ketupat hendaklah menggunakan kiraan yang betul. Biasanya, menggunakan kiraan nombor ganjil seperti nombor 3, 5, 7, dan 9. Sesiapa yang melanggar adat semasa amalan ritual dijalankan hendaklah membayar hukuman dalam bentuk kurung semangat yang berupa sebuah tajau dan sebiji pinggan seramik.

Makanan pemujaan kepada Tuhan Sempulang Gana akan diletakkan diatas buluh yang telah dianyam pada bahagian atasnya atau lebih dikenali sebagai kelingkang. Sesiapa yang didapati merosakkan buluh yang telah dianyam akan dikenakan hukum adat dengan membayar tunggu sebanyak lapan mungkul dan seekor ayam sebagai gensenan serta kering semangat. Selain itu, hukum adat tunggu 16 mungkul, seekor babi sebagai gensenan dan sebilah parang sebagai kering semangat serta sebuah tajau sebagai kurung semangat akan dikenakan kepada orang yang didapati bersalah merosakkan batu pengasah parang.

Tajau Sebagai Alat Perhiasan Rumah

Pada hari ini, *tajau* bukan lagi dijadikan sebagai sumber ritual dalam masyarakat Iban. Perubahan sistem pendidikan yang diterima menjadikan *tajau* kini sebagai perhiasan semata dipenjuru rumah. Kekurangan pemahaman tentang fungsi *tajau* kepada golongan muda menjadikan nilai tinggi “harga” *tajau* semakin menurun. Kini jika ke rumah masyarakat Iban *tajau* disimpan sahaja dibahagian penjuru rumah. Peranan *tajau* yang asalnya sebagai satu lambang kekayaan sudah hilang. Syarat setiap rumah perlu memiliki *tajau* juga semakin dipandang sepi.

Tajau Sebagai Simbol Adat dan Kepercayaan

Masyarakat Iban sangat mementingkan semangat kekeluargaan. Mereka hidup dalam komuniti yang sederhana dan sama rata. Segala perkara yang berkaitan dengan adat di rumah panjang akan diselesaikan dengan aman. Keputusan yang adil dibuat berdasarkan suara majoriti penduduk rumah panjang. Mereka sangat takut akan bencana atau perkara-perkara buruk yang akan berlaku. Oleh hal yang sedemikian, mereka melaksanakan adat yang boleh menghindarkan mereka daripada ditimpa malapetaka atau perkara buruk yang tidak diingini.

Bagi masyarakat Iban, keadaan tersebut berlaku kerana berdasarkan punca yang tertentu. Oleh hal yang sedemikian, mereka kaya dengan adat dan pantang larang sepanjang menjalani kehidupan. Mereka percaya perkara yang tidak baik berlaku disebabkan berlaku pelanggaran adat dan pantang larang yang telah wujud dalam kehidupan mereka. Bagi menjamin keharmonian tersebut, mereka hendaklah membela semula, memujuk atau memuja

semangat yang telah mendatangkan malapetaka melalui dua peringkat yang disebut sebagai adat kurung semangat. Kehadiran Tajau dalam masyarakat Iban di Sarawak memberikan keharmonian hidup mereka dengan alam ghaib (Khairul 2016).

Pada peringkat yang pertama, tajau digunakan dalam hubungan yang melibatkan sesama manusia dimana individu yang melakukan kesalahan akan membayar denda berupa wang ataupun tajau sahaja. Pada peringkat kedua pula, ia dianggap sebagai kesalahan yang melibatkan kuasa luar biasa ataupun lebih kepada kepercayaan. Kesalahan luar biasa ini dikenali sebagai genselan. Genselan bermaksud adat yang dikenakan terhadap pesalah untuk memohon ampun dan restu daripada Tuhan. Adat ini dilakukan dengan membayar hukuman dengan menyembelih haiwan seperti seekor ayam atau babi manakala untuk kering semangat pula dibayar dengan menggunakan bahan besi seperti parang, nyabor iaitu sejenis parang panjang orang Iban, paku, dan sebagainya. Tujuan adat ini adalah untuk menggelakkan mereka lemah semangat kepada kuasa ghaib.

Perkara yang paling penting semasa pembayaran hukum kurung semangat ialah sebuah tajau untuk kurung semangat, (rujuk gambar rajah 4.17 dibawah). Kurung semangat bertujuan untuk mengelakkan semangat manusia atau orang Iban berpisah daripada badan. Oleh hal yang sedemikian, kurung semangat merupakan adat yang bertujuan untuk memelihara semangat manusia daripada jatuh sakit dan akhirnya meninggal dunia. Sekiranya, si pelaku tidak dapat membayar denda yang telah ditetapkan, kemungkinan beliau untuk ditimpa malapetaka seperti jatuh sakit sehingga boleh menyebabkan kematian.



Rajah 2: Tajau kebok atau menukul biasanya digunakan untuk pembayaran kurung semangat (Koleksi: Puan Jelawai anak Kat)

KESIMPULAN

Kesimpulannya, peranan *tajau* sebagai salah satu daripada produk warisan masyarakat Iban perlu dipelihara dan dipulihara. *Tajau* sebagai harta warisan yang diterima dari zaman berzaman perlu diangkat semula bagi menjamin sosio-budaya masyarakat Iban sendiri. Kehebatan *tajau* sebagai lambang hubungan hebat manusia dan alam terkembang perlu dirakamkan dalam satu bentuk warisan kekal. Kehadiran *tajau* di negeri Sarawak membuktikan bahawa wujudnya pertembungan budaya diantara pedagang cina dengan penduduk tempatan khasnya masyarakat Iban. Pertembungan ini telah mewujudkan budaya

yang baharu. Misalnya penggunaan tajau dalam kehidupan seharian sehinggalah digunakan dalam hukum adat serta amalan-amalan ritual. Oleh kerana kegunaan tajau sangat meluas dan diterima pakai oleh kesemua ahli masyarakat Iban, maka kegemilangan tajau haruslah dikekalkan supaya tidak pupus ditelan mengikut arus peredaran zaman.

Justeru itu, masyarakat Iban seharusnya berterima kasih kepada pedagang Cina pada masa lampau kerana telah membawa tajau ke Sarawak. Kehadiran tajau telah mencipta sejarah kebanggaan kepada masyarakat Iban yang diperturunkan daripada generasi kepada generasi yang baharu dalam budaya masyarakat Iban. Oleh itu, masyarakat Iban haruslah mengekalkan kewujudan tajau dan merasa bangga kerana pedagang China telah membawa sejarah yang tidak boleh dilupakan masyarakat Iban sampai bila-bila. Seterusnya pula ialah masyarakat Iban seharusnya menyayangi dan menghargai tajau yang berada dalam simpanan mereka kerana ia merupakan bukti warisan sejarah masyarakat Iban pada masa dahulu. Tajau juga menjadi satu budaya yang menunjukkan asal usul masyarakat Iban sekaligus menjadi identiti masyarakat Iban.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan di Skim Geran Jangka Pendek SGJP-R/SGJP/A02.00/00554A/001/2016/000339. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada pihak Rumah Panjang RH. Malang, Pakan, Sibul, Sarawak di atas kerjasama yang diberikan serta Universiti Malaysia Kelantan kerana menaja kajian ini.

RUJUKAN

- Khairul Zuhairi, & Noria Tugang. (2016). *Perubahan Objek Tajau Dalam Budaya Iban Di Sarawak*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Rahimah Abd. Aziz, M. Y. (2000). *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Ms: 21-22
- Othman Yatim. (1981). *Penggunaan Tembikar di Malaysia*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Adat Iban 1993 (*Tusun Adat Iban 1993*). Jabatan Ketua Menteri, Masjids Adat Istiadat Negeri Sarawak.

TEMUBUAL

- Informan Sangat Anak Mamit, 51, Rumah Panjang Malang, Pakan Sarawak
- Informan Dundang Anak Jalin, 73, Rumah Panjang Malang, Pakan Sarawak